

Biografi

Dr. Noor Azean Atan

SEKOLAH PENDIDIKAN
FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

ISI KANDUNGAN

	Mukasurat
i Pengenalan Diri	3
ii Biografi	4
1 Tanggungjawab Pengajaran (Teachning Responsibilities)	10
2 Falsafah Pengajaran (Teaching Philosophy)	11
3 Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran (Teaching Methodology)	11
4 Penerangan Isi Kandungan Kursus (Description of Course Materials)	12
5 Penilaian (Assessment)	13
6 Usaha Dalam Meningkatkan Pengajaran (Efforts to Improve Teaching)	15
7 Penilaian Pengajaran (Evaluation of Teaching)	16
8 Matlamat Pengajaran (Teaching Goals)	16
9 Lain-lain (Others)	17
10 Senarai Lampiran	18
Lampiran A – Senarai Kursus yang Diajar	18
Lampiran B – Senarai Pelajar di Bawah Penyeliaan	21
Lampiran C – Penerangan Kandungan Kursus	28
Lampiran D – Keputusan Penilaian e-PPP	43



PENGENALAN DIRI



Nama	: Dr. Noor Azean Binti Atan
Jawatan	: Pensyarah Kanan
Alamat	: 60, Jalan Jasa 39, Rini Hills, Taman Mutiara Rini 81300, Skudai, Johor
Jabatan	: Jabatan Pendidikan Sains, Matematik & Multimedia Kreatif Sekolah Pendidikan, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan Universiti Teknologi Malaysia 81310, Skudai, Johor
Telefon	: (Mobil) 012-7225606, (Pejabat): 07-5534391, (Fax): 07-5577351
Emel	: azean@utm.my
Laman Web	: https://people.utm.my/azean/
Bidang	: Teknologi Pendidikan, Pembelajaran Autentik, Pemikiran Visual, Hibrid Pembelajaran Servis dan Pembelajaran menerusi web/apps



Biografi Dr. Noor Azean Atan


Noor Azean Atan telah memperolehi **pendidikan** awal di Sek. Rendah Kebangsaan (P) Sultan Ibrahim (S.I.G.S) dan Sek. Menengah (P) Sultanah Engku Tun Aminah, Johor Bahru (1990 – 1994). Seterusnya melanjutkan pelajaran di Institut Teknologi MARA (ITM), di bawah Program **Diploma Sains Komputer** (1995 - 1998) dan menyambung pengajian di Universiti Teknologi Malaysia (UTM), dalam program **Sarjana Muda Sains (Komputer)** pada tahun 1999 sehingga 2001. Seterusnya, saya berpeluang melanjutkan pengajian di Universiti Teknologi MARA (UiTM), pada peringkat sarjana (*mixed mode*) di bawah Program **Sarjana Sains Teknologi Maklumat** dengan tesis bertajuk 'Student's Performance from the Effectiveness of Using Computer-Simulation in Learning Network Infrastructure Design', pada tahun 2005. Dengan tesis bertajuk Profil Kontinum Pemikiran Visual Pelajar dalam Persekitaran Pembelajaran Autentik Bervisual menerusi Web, saya berjaya menamatkan ijazah **Doktor Falsafah Teknologi Pendidikan** dari Universiti Teknologi Malaysia pada tahun 2012.

Kerjaya

Bermula **kerjaya** sebagai pembantu pegawai kewangan di sebuah syarikat kewangan swasta MBF Finance, saya menjalani praktikal sebagai seorang **programmer** di Pusat Komputer (**1998**), Universiti Teknologi Malaysia sebelum dilantik sebagai **Tutor** pada tahun **2001** di bawah Jabatan Multimedia Pendidikan (JMP), Fakulti Pendidikan, UTM. Setelah menerima ijazah peringkat Sarjana, saya dilantik sebagai **Pensyarah** pada tahun 2005 dan seterusnya sebagai **Pensyarah Kanan** pada tahun **2013** sehingga kini di bawah Sekolah Pendidikan, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, UTM.

Kepimpinan & Pentadbiran

Kesungguhan dan komitmen yang tinggi menjadi prinsip saya dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab sebagai seorang akademik, termasuklah dalam **bidang kepimpinan dan pentadbiran**. Justeru, pada tahun 2005-2007, saya telah dilantik sebagai **Penyelaras Projek Sarjana Muda** bagi Program Sarjana Muda Sains Komputer serta Pendidikan Matematik / Fizik / Kimia, **Ketua Makmal Komputer** bagi Jabatan Multimedia Pendidikan serta **Koordinator Program** SPK dan SPP, di Fakulti Pendidikan. Seterusnya, Fakulti Pendidikan memberi kepercayaan kepada saya sekali lagi pada tahun 2013, dengan melantik saya sebagai **Penyelaras Program Sarjana Teknologi Pendidikan, Ketua Makmal Komputer** bagi Jabatan




Multimedia Pendidikan dan **Pengurus Laman Web** Fakulti Pendidikan sehingga melonjakkan kepada ranking Top 3 UTM website daripada 20 Fakulti / Akademi, Universiti Teknologi Malaysia.

Walau bagaimanapun, jawatan tersebut hanya di pegang kurang daripada setahun apabila saya dilantik sebagai **Pengurus Teknologi Maklumat** di **Pusat Pengajaran dan Pembelajaran** (CTL), UTMLead bermula 1 Ogos 2013 sehingga 30 Oktober 2015 (2 tahun 3 bulan), yang melibatkan pengurusan Sistem Pembelajaran Online UTM bagi Pra dan Pasca Siawazah (**eLearning@UTM**), Sistem Penilaian Pengajaran Pensyarah (**ePPP**), Laman Web OpenCourseware UTM (**OCW@UTM**), Laman Web UTM-Motion (**UTMotion@UTM**) dan Sistem Maklumat Kemahiran Generik Pelajar IPT Malaysia, Kementerian Pendidikan Tinggi (**My3S**). Pada masa yang sama, saya telah dilantik oleh Timbalan Naib Cancellor UTM (A&A) sebagai **Pengurus UTM-MOOCs** (2015), sehingga berjaya menghasilkan 4 kursus lengkap dan 3 kursus dalam pembangunan yang melibatkan kerjasama pensyarah-pensyarah daripada lima buah fakulti pelbagai bidang serta kepakaran melalui platform <https://www.openlearning.com> yang diguna pakai oleh lebih 2000 pelajar seluruh dunia dengan pengiktirafan oleh Majlis ePembelajaran IPTA Malaysia (MEIPTA).

Seawal usia 35-an, saya turut diberi tanggungjawab dalam bidang pengurusan bersama **memimpin staf-staf Multimedia** di **CTL** sehingga berjaya menghasilkan video-video koprat / profesional serta penghasilan video pembelajaran di bawah projek UTM-MIT BLOSSOMS. Selain itu, saya dilantik sebagai **Penasihat UTM Student2Student Edutainment** bagi tahun 2014 dan 2015, dan syukur kerana mendapat perhatian daripada pihak IPTA lain sehingga dipanggil oleh sidang akhbar (Berita Harian) bagi berkongsi berkenaan kejayaan projek ini dalam mengetengahkan konteks hiburan menerusi pembelajaran yang dibangunkan oleh mahasiswa untuk mahasiswa lain. Saya juga telah dilantik sebagai wakil universiti (UTM) bagi Pengurus ePembelajaran dan Pembelajaran Terbuka (MOOCs) sebagai **ahli Majlis ePembelajaran IPTA Malaysia (MEIPTA)** selama 2 tahun bermula bulan Jan 2014 sehingga Dis 2015.

Seterusnya saya bergerak aktif dalam Pembelajaran Teradun Gantian serta Pembelajaran Servis dengan mengintegrasikan platform MOOCs, sehingga dilantik oleh pihak Universiti sebagai panel **Jawatankuasa MOOCs UTM** daripada tahun 2016 sehingga 2018. Manakala Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan melantik saya sebagai **Ketua Jawatankuasa Pembelajaran Teradun FSSH** serta **Ketua Libatsama Komuniti dan Pembelajaran Servis** (Sekolah Pendidikan) bagi tahun 2019 sehingga 2020. Lanjutan bergerak aktif dalam Hibrid Pembelajaran Servis, Sekolah Pendidikan, FSSH telah melantik saya sebagai Penyelaras bagi Jawatankuasa Libatsama Komuniti bagi tahun 2021.



Anugerah & Penghargaan

Anugerah dan penghargaan peringkat universiti, kebangsaan mahupun antarabangsa dalam mengharumkan nama Universiti Teknologi Malaysia turut saya perolehi hasil sokongan pihak Fakulti. Alhamdulillah, saya menerima **Penghargaan Pencapaian Cemerlang dalam Pengajaran**, UTM (5% Best Instructor in UTM) pada tahun 2003, iaitu pada tahun ke-2 saya sebagai Tutor. Hasil tunjuk ajar mentor, saya serta kumpulan penyelidik menerima anugerah “**The Best Award for the Invention / Innovation**” di **Malaysia Technology Expo 2008 (MTE)**, Putra World Trade Center (PWTC), Kuala Lumpur serta turut menerima dua (2) anugerah Gold Medal di Malaysia Technology Expo 2008 (MTE), sehingga saya dan mentor layak ke Pertandingan Invention / Innovation of Programme Pedagogy Personalised @ “**36th International Exhibition of Inventions New Techniques and Products Geneva, April 2008, Geneva Palexpo, Switzerland**” dengan membawa pulang dua (2) Silver Award. Hasil daripada kejayaan beberapa anugerah ini, saya di anugerahkan sebagai penerima “**Anugerah Khas Penglibatan Dalam Pertandingan Penyelidikan**”, Sempena Sambutan 15 Tahun Dan Majlis Kualiti Fakulti Pendidikan 2008.


Kejayaan sebelum ini menjadi pencetus semangat dan idea kepada saya untuk meneruskan perjuangan sehingga memenangi empat **(4) Gold Medal** di National University Carnival on eLearning 2014 (**NUCeL2014**) bagi Pembangunan Projek “OER Integration: OCW & MOOCs”, “BLOSSOMS: Helps Develop Students’ Higher Order Thinking Skills (Hots) in Learning STEM” serta penghasilan dua aplikasi mobil bertajuk “Mandarin Tutor Apps” dan “Mental Arithmetic Fun Learning Apps”. Pada tahun berikutnya, saya sekali lagi menerima kemenangan **Gold Medal dan tiga (3) Silver Medal** dalam Pertandingan Innovation, Invention and Design in e-Learning (**IIDEL**) 2015, anjuran MEIPTA dan Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPT). Selain itu saya turut menerima **Penghargaan Pakar Bidang dan Pembangun Malaysia MOOCs 2015** bagi empat (4) kursus oleh Jawatankuasa Malaysia MOOCs, Majlis ePembelajaran IPTA Malaysia (MEIPTA) dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia (KPT). Kejayaan bersama kumpulan penyelidik ini telah memupuk semangat kepada saya untuk terus berusaha dan sekali lagi, saya menerima **dua (2) Silver Medal** di International University Carnival on eLearning (**IUCEL**) 2016 bagi projek UTM-MOOCs, **tiga Silver Medal** di Innovative Practices in Education and Industry Exhibition (**I-PEINX 2016**) bagi projek Pembangunan Modul Pembelajaran berdasarkan Strategi: Metakognitif, Pemikiran Geometri 3D serta Pemikiran Matematik. Disamping itu, saya juga menerima **Gold Award** di 3rd International Innovative Practices in Higher Education Expo (**I-PHEX 2016**) bagi projek “MOOCs Course based on Authentic Learning Strategy”, dan pada tahun berikutnya saya diberi peluang sebagai penerima **Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) 2016** serta menerima beberapa anugerah **Penghargaan Program Pembelajaran Servis bagi tahun 2016 dan 2017** daripada Sekolah luar bandar (FELDA Air Tawar) serta sekolah sekitar Johor. Pada tahun 2017 juga, saya telah berjaya menerima **Gold Medal** dalam International Invention,

Innovation & Design Competition (**IID Johor 2017**) bagi projek bertajuk “Implementation of Engineering Course through MOOCs based on Authentic Learning Environment”.

Hasil daripada idea kemenangan ini, telah memberi inspirasi kepada saya untuk melaksanakan serta mengembangkan penyelidikan dalam Pembelajaran Servis dengan pengintegrasian bersama platform MOOCs. Menerusi rekabentuk idea baru ini, saya telah menerima **Gold Award** bagi kajian bertajuk “Design and Development of Learning Activities for E-Service Learning Program based on Authentic Learning Strategy” pada penyertaan dalam pertandingan e-Learning Carnival & Conference 2018 (eLCC 2018). Diikuti dengan kejayaan iaitu menerima Gold Medal dalam New Academia Learning Innovation (NALI) Exhibition & Competition (2018) bagi lanjutan kajian dengan tajuk “Improving Students Learning Outcome Through E-Service Learning Based on Authentic Learning Strategy”. Melalui NALI 2018 juga, saya telah satu lagi Gold Medal bagi Rekabentuk Modul-Modul Pembelajaran Kendiri dan menerima empat (4) Silver Medal dan dua (2) Bronze Medal bagi penyelidikan berkaitan Libatsama Komuniti dan pengimplementasian MOOCs. Pada tahun berikutnya pula 2019, turut menerima Gold Medal bagi penyelidikan berkenaan “Integration of E-Service Learning” dalam NALI 2019 dan Best Award pada Hari Kokurikulum UTM 2019.

Pencetus kepada kejayaan ini serta penambahbaikan serta perkembangan kepada kajian di atas, saya telah dipilih sebagai finalis dalam Anugerah Khas YB Menteri Pendidikan Malaysia, kategori Rekabentuk Kurikulum Dan Penyampaian Inovatif Tahun 2019 (AKRI 2019) bagi penyelidikan bertajuk “Penguasaan Kemahiran Generik dan Pemikiran Reflektif Pelajar Menerusi Pembelajaran Servis Berdasarkan Strategi Pembelajaran Autentik (K-GenRe PSA). Seterusnya, kejayaan Gold Medal diperolehi dalam New Academia Learning Innovation 2020 (NALI2020) bagi projek bertajuk “Gamified Hybrid Service Learning to Promote Students Engagement and Generic Skills”. Selain itu, saya turut menerima Gold Medal dan Silver Medal dalam Pertandingan Inovasi MEDC 2020 (InnoMEDC 2020) di Seminar Kebangsaan Majlis Dekan Pendidikan Universiti Awam Malaysia.

Penutup bagi tahun 2020 pula saya serta rakan seperjuangan telah menerima Anugerah Buku Karya Asli Terbaik dalam Majlis Apresiasi Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan 2020. Melalui anugerah serta penghargaan peringkat universiti dan kebangsaan ini, memberi semangat dalam konteks kembangan penyelidikan dan berinovasi agar keberkesanannya dapat dicapai secara efektif dan optimum serta menggalakkan lagi perkongsian ilmu serta pengalaman.




Pengajaran

Dedikasi dan minat dalam **Bidang Pengajaran**, membuatkan saya masih berkhidmat sehingga kini iaitu hampir 17 tahun, dan terus berjuang dengan kepelbagaiannya strategi pengajaran dan kreativiti dalam mereka bentuk instruksi. Saya telah mengajar **lebih dari 15 kursus/subjek** di bawah program pendidikan di Fakulti Pendidikan peringkat **pra-siswazah** serta **pasca-siswazah**. Saya menyokong kepada pembentukan kemahiran insaniah pelajar-pelajar serta mengkonstruk pengetahuan baru mereka melalui pengintegrasian teknologi multimedia dan berkomputer menerusi aktiviti pembelajaran. Saya juga menerima **ranking P4 dan P5** dalam penilaian ePPP serta diberi penghargaan atas keaktifan menggunakan eLearning@UTM selain menerima “**Award of Excellent**” dalam “**Active Blended Learning Course**” daripada CTL, UTM. Selain itu, saya turut menerima lebih daripada lima **(5) Geran Penyelidikan (2003 - 2016) berkaitan dengan Pengajaran dan Pembelajaran** bersama kumpulan penyelidik melalui pengaplikasian digital teknologi berdasarkan strategi pembelajaran yang bersesuaian, agar pelajar mengalami pengalaman pembelajaran yang autentik serta sekaligus menguasai atribut graduan.

Penyeliaan & Penasihat Akademik

Aspek penyeliaan, saya telah dilantik sebagai **penyelia Projek Sarjana Muda** kepada **40 pelajar pra-siswazah**, dan telah menghasilkan tesis yang berfokuskan kepada ePembelajaran, pembangunan modul pembelajaran berteraskan digital teknologi, *online-learning* menerusi web dan apps, rekabentuk instruksi pembelajaran ICT serta pembangunan bahan bantu pengajaran berteraskan teknologi berkomputer / multimedia. Disamping itu, saya juga dilantik sebagai **penyelia** kepada hampir **sepuluh (10) tesis** pelajar program **pasca-siswazah (taught course)**, **tiga (3) tesis** pelajar sarjana (**mixed-mode**) dan **seorang (1)** pelajar program pasca-siswazah (**full-research**) sehingga tahun **2016**. Pada tahun **2017** pula, saya sekali lagi dilantik sebagai penyelia kepada **enam (6)** pelajar program pasca-siswazah (**taught course**) serta **seorang (1)** pelajar sarjana (**mixed-mode**) di bawah Program Teknologi Pendidikan. Selain itu, saya turut menyelia **empat (4)** orang pelajar di **peringkat doktor falsafah** manakala dilantik sebagai penyelia bersama kepada **enam (6)** pelajar iaitu dua (2) daripadanya telah graduan pada tahun **2017** **dan** seorang pada tahun 2018. Pada peringkat pasca-siswazah pula, penyelidikan yang dijalankan bersama pelajar saya berfokuskan kepada strategi pembelajaran autentik, kontinum pemikiran visual, pengintegrasian teknologi web dan apps, rekabentuk grafik modul pembelajaran berdasarkan metakognitif dan pemikiran geometri, pembangunan *e-learning* serta platform pembelajaran terbuka (MOOCS) dan e-Pembelajaran Servis. Saya turut bertindak sebagai **penyelia Praktikal Latihan Mengajar** di sekolah kepada lebih **20 pelajar** peringkat Sarjana Muda Sains Komputer serta Pendidikan (Matematik / Fizik / Kimia). Dari aspek penasihat akademik, saya dilantik sebagai **penasihat akademik** kepada lebih **100 pelajar**



peringkat pra-siswazah dan saya bersedia meluangkan masa untuk membuat perbincangan serta memberi idea bersama pelajar yang memerlukan khidmat nasihat berkaitan permasalahan akademik atau kemajuannya.


Penyelidikan

Sejajar dengan status UTM sebagai sebuah Universiti Penyelidikan, saya meneruskan perjuangan dalam **aspek Penyelidikan**, dengan **mengetuai lima (5) grant penyelidikan** universiti dan geran penyelidikan kebangsaan iaitu merangkumi grant daripada MOHE menerima sejumlah RM52,200 (grant penyelidikan FRGS), seterusnya sejumlah RM32,000 (grant RUG Tier-2) serta dua (2) geran UTMF (R&D) bernilai RM10,000 dan RM20,000 sehingga tahun 2020. Rentetan daripada penerimaan geran ini, saya meneruskan penyelidikan dengan menerima grant bernilai RM51,000 di bawah UTM Encouragement Research (2020). Selain itu saya turut memperolehi dan menerima kelulusan pendaftaran **sembilan belas (21) Networking Grant (UTM NG)** bagi penyelidikan dan projek libatsama komuniti / pembelajaran servis dengan kerjasama CCSL UTM, fakulti bersama komuniti sekolah / komuniti B40 sehingga tahun 2020 dengan dana berjumlah **RM64,385** yang memberikan impak yang sangat baik dan hubungan antara universiti dan komuniti / masyarakat melalui perkongsian dan perpindahan ilmu yang manfaat.

Tambahan daripada penerimaan geran ini, sebagai penyelidik bersama, saya beserta kumpulan penyelidik di anugerahkan dua (2) geran PRGS berjumlah RM84,800 dan RM61480, geran Flagship berjumlah RM50,000, lima (5) geran FRGS dengan jumlah RM271,500, geran Tier 1 memperolehi RM39,700 dan RM20000, tujuh (7) geran Tier 2 dengan jumlah RM132,000, serta 9 geran UTMF berjumlah RM154,000, satu (1) geran DPP sebanyak RM10,000 serta satu (1) Contract Research DTD berjumlah RM8,000 Secara keseluruhan saya telah menyertai **48 geran bersama** rakan penyelidik lain berjumlah RM1,304,980 sehingga tahun 2020 atas kemahiran serta kepakaran bidang saya bagi perkongsian pengetahuan serta kepercayaannya dalam pengembangan ilmu. Ini termasuklah penglibatan saya dalam sembilan (9) Networking Grant (UTM NG) serta satu (1) Business Entity Grant (UTM BE) dengan jumlah RM74,997.

Penerbitan

Dari **aspek penerbitan**, saya sangat teruja dalam menerbitkan penulisan termasuklah penghasilan **buku rujukan pembelajaran** sebanyak **10 buah** sehingga 2017. Saya juga berminat dalam penulisan artikel dalam **book chapter** iaitu menghasilkan sebanyak **8 bab**, disamping bekerjasama dalam penghasilan buku panduan peringkat universiti bertajuk **Akademik Baru Inovasi Pembelajaran**, penglibatan dalam penerbitan buku panduan peringkat kebangsaan bertajuk **Development of E-Content, E-Learning Guideline for Malaysia HEIS** serta penulisan polisi e-pembelajaran peringkat kebangsaan bertajuk **Dasar e-Pembelajaran Negara 2.0**. Saya



bersama rakan telah menerbitkan **44 artikel** dalam **prosiding** seminar di peringkat kebangsaan dan persidangan antarabangsa. Seterusnya, sebanyak **13 artikel** berindeks dalam **Scopus** serta **3 artikel** dalam **ISI/Web of Science** iaitu sebagai 'UTM First Author' sehingga tahun 2020 manakala sebagai 'Co-Author' telah melibatkan diri dalam 18 artikel berindeks Scopus dan 8 di dalam ISI/Web of Science. Selain itu saya telah menerbitkan buku bertajuk ***International Service Learning Program 2017 (ISLP)***, Fakulti Pendidikan. Seterusnya masih bergiat aktif dalam penulisan beberapa buah buku/modul berkaitan dengan Pengintegrasian Pembelajaran Servis sehingga kini serta penerbitan buku karya asli.


Pengiktirafan & Sumbangan

Dalam **aspek pengiktirafan dan sumbangan**, saya pernah dilantik sebagai penceramah berkenaan Pengintegrasian dan Rekabentuk Massive Open Online Courses (MOOCs) di dua buah Universiti Malaysia iaitu UTHM dan UMK. Lebih daripada 30 jemputan sebagai penceramah dan fasilitator dalam memberi latihan / bengkel / kursus, kepada staf akademik UTM termasuk kursus Sijil Pengajaran Pengajian Tinggi (SPPT), eLearning, pembangunan apps dan blog, Teknologi Web 2.0, Strategi Pengajaran dan Blended Learning, NALI, OpenCourseware (OCW) dan siri bengkel pembangunan UTM-MOOCs. Saya turut dirujuk dan dilantik sebagai penasihat serta penceramah kepada guru-guru dan pelajar-pelajar sekolah di peringkat Negeri Johor berkenaan Implementasi ICT dan Teknologi Baru 2.0 dalam Pembelajaran abad ke-21. Manakala pada **peringkat antarabangsa**, saya bersama jawatankuasa turut menganjurkan beberapa latihan / kursus dan sebagai **penceramah** kepada pensyarah-pensyarah daripada Yemen, Afghanistan, Pakistan dan Indonesia berkenaan eLearning, Blended Learning dan New Emerging Technologies serta Hibrid Pembelajaran Servis.

Khidmat Profesional

Begitu juga dalam **bidang khidmat profesional**, saya merupakan ahli badan profesional peringkat antarabangsa iaitu *The Institute of Electrical and Electronics Engineers (IEEE)* (2015-2016) dan *Industrial Engineering and Operations Management (IEOM) Society* (2018-2020). Pada peringkat kebangsaan, saya menyertai badan *Mobile Learning Association of Malaysia* dari tahun 2014 hingga 2015, menyertai *Society of Engineering Education Malaysia (SEEM)* serta Ahli Majlis Ketua-Ketua Penyelaras E-Pembelajaran Ipta (MEIPTA) 2015-2016.


Saya berharap semoga dapat terus komited dan memaparkan kecemerlangan sebagai seorang pendidik yang berdedikasi, berintegriti dan berpendirian teguh dalam meneruskan perjuangan merealisasikan Akademia Baru Universiti, selaras dengan Pelan Pembangunan Pendidikan negara dalam melahirkan anak bangsa yang holistik dan berjiwa bangsa serta bertanggungjawab demi agama, bangsa dan negara.



1. TAGGUNGJAWAB PENGAJARAN (TEACHING RESPONSIBILITIES)

Saya memulakan karier di UTM sebagai tutor di Jabatan Multimedia Pendidikan, Fakulti Pendidikan, UTM pada November 2001 sehingga kini. Saya telah berkhidmat di Fakulti Pendidikan/ Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia selama 20 tahun. Pada setiap semester/tahun, saya mengendalikan kursus pada peringkat pra siswazah (UG) serta pasca siswazah (PG). Kursus yang saya kendalikan pada peringkat UG merupakan beberapa kursus bagi Program Ijazah Sarjana Muda Sains dan Komputer serta Pendidikan (Fizik/Kimia/Matematik) disamping TVET, Pendidikan Islam dan TESL. Pada peringkat UG, kursus-kursus yang pernah saya kendalikan antaranya ialah Kaedah Mengajar Sains Komputer (SPM4712), Bahasa Pengaturcaraan I, (SPM2102), Bahasa Pengaturcaraan II (SPM3112), Bahasa Pengaturcaraan III (SPM3122), Pembangunan Multimedia Berasaskan CD-ROM (SPM4332), Projek Sarjana Muda 1 (SPU4902), Teknologi Pengajaran Dan Pembelajaran (SPPM1002). Manakala bagi program SPACE, saya pernah dilantik antaranya sebagai pensyarah dalam mengajar kursus-kursus antaranya Bahasa Pengaturcaraan 1 (SPM2102 / SPPM2102), Pembangunan Multimedia Berasaskan Web (SPM4332), Telekomunikasi Dan Rangkaian (SPM1012) serta Kaedah Mengajar Sains Komputer (SPM4712). Kursus Pasca Ijazah pula, saya terlibat dalam mengajar beberapa kursus iaitu Penulisan Akademik (MPPU1080), Kajian Pendidikan 1 (MPPT1105), Kajian Pendidikan 2 (MPPT1205), Pengenalan Teknologi Pendidikan dan Penyelidikan (MPPP1203), Pengurusan Rangkaian Komputer dan Telekomunikasi (MPPP1353), Inovasi dalam Pembelajaran & Pengajaran (MPPU1003) dan Persekutaran Pembelajaran Berinovasi (MPPP1403). Antara senarai kursus yang saya kendalikan sepanjang saya bertugas di UTM adalah seperti disenaraikan pada **Lampiran A.**

Selain itu, saya juga terlibat di dalam penyeliaan pelajar dari program ijazah pertama, sarjana dan doktor falsafah. Jumlah pelajar yang telah dan sedang selia berjumlah 25 pelajar bagi peringkat Pasca Ijazah dan sebahagiannya telah pun berdraduan. Manakala penyeliaan bagi Pra Siswazah adalah seramai 39 pelajar menerusi Projek Sarjana Muda (PSM) seperti dalam **Lampiran B.** Disamping itu, saya turut terlibat dalam pengajaran Pesisir bagi program Sarjana Pendidikan (Teknologi Pendidikan). Saya juga menjadi Penasihat Akademik kepada 18 orang pelajar tahun dua program SPK (Sarjana Muda Sains dan Komputer Serta Pendidikan – Kimia) bagi aliran perdana. Selaku Penasihat Akademik, saya bertanggungjawab terhadap aktiviti-aktiviti yang berkaitan akademik seperti merangka dan merancang kursus yang akan diambil oleh setiap pelajar pada setiap semester.




2. FALSAFAH PENGAJARAN (TEACHING PHILOSOPHY)

Falsafah pengajaran saya adalah berusaha secara berterusan dalam mengembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepada untuk mewujudkan insan yang holistik berteraskan kepada kepercayaan bahawa semua pelajar mempunyai kebolehan dan potensi tersendiri serta dinamik. Usaha ini adalah untuk melahirkan individu yang berilmu pengetahuan, berketrampilan dan berakhhlak mulia serta bertanggungjawab terhadap keharmonian keluarga seterusnya masyarakat sekeliling serta Negara. Justeru, sebagai seorang pendidik dan akademik, yang mengajar pelajar untuk menjadi seorang guru dalam bidang pendidikan, saya seharusnya peka terhadap setiap gaya pembelajaran pelajar agar pembelajaran dapat dijalankan berdasarkan kesesuaian dengan keupayaan mereka. Oleh demikian, bagi merealisasi keupayaan pelajar ke tahap yang optimum, semua pelajar mestilah diberi peluang yang sama rata dalam meneroka keupayaan diri, membangunkan serta mengembangkan potensi diri mereka agar kompetensi diri merangkumi aspek pengetahuan dan kemahiran dapat dikembangkan. Selain itu, sebagai seorang pendidik dalam bidang ICT, saya seharusnya menjadi *role model* kepada pelajar dalam mencukil dan memperketengahkan lagi kemahiran yang diperolehi pelajar yang mampu merealisasikan harapan agama, bangsa dan Negara. Perkara ini penting di dalam menghasilkan modal insan yang akan mencorakkan generasi akan datang dan seterusnya berkhidmat kepada Negara.

3. KAEADAH PENGAJARAN & PEMBELAJARAN (TEACHING METHODOLOGY)

Reka bentuk pengajaran merupakan mekanisma yang digunakan oleh seorang pendidik dalam membina dan merancang segala aspek pengajaran dan pembelajaran. Justeru, sebagai seorang pendidik yang membimbing serta melahirkan bakal-bakal guru, saya seharusnya memaparkan contoh terbaik kepada pelajar mengenai kaedah pengajaran yang sesuai serta berkesan dalam proses pengajaran saya. Berdasarkan kepada aspirasi Negara menerusi Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi), saya mengintegrasikan **persekitaran pembelajaran autentik** dalam menyokong kepada perkembangan kognitif dan kemahiran pelajar, selain mengimplementasikan bersama **teknologi berkomputer dan web** sejajar dengan keperluan generasi X dan Y masa kini. Pembelajaran secara *online* seharusnya menjadi nadi pendidikan masa kini seperti penggunaan bersama e-learning, maka proses perkongsian pengetahuan melalui interaksi secara maya dapat digunakan secara optimum. Hal ini dapat mendidik pelajar agar berkolaborasi, berani menyuarakan pendapat, berfikir secara kritis serta menggalakkan pembelajaran aktif melalui penerokaan dan penemuan maklumat yang pelajar temui di alam siber.




Namun begitu, kesesuaian dalam memilih kaedah pengajaran juga turut melihat kepada kehendak serta objektif sesebuah kursus itu. Oleh demikian pemilihan kaedah pengajaran antaranya berbentuk projek, demonstrasi, pembelajaran berdasarkan senario serta pembelajaran teradun adalah menjadi sebahagian kaedah yang saya gunakan bagi menjadikan pengajaran dan pembelajaran bermakna serta memberi peluang kepada pelajar saya menimba pengalaman pembelajaran. Konsep pembelajaran sebegini secara tidak langsung menggalakkan pembelajaran secara kendiri, secara kolaboratif dan pembelajaran sepanjang hayat (LLL) dalam diri pelajar.

Walau bagaimanapun, bagi kursus berorientasikan kemahiran, pendekatan pengajaran yang berteraskan penyelesaian masalah, saya laksanakan agar dapat menyokong dan membimbing pelajar dalam mengkonstruksi pengetahuan dan kemahiran baru melalui penerokaan dan penyelidikan yang berstruktur dalam menyelesaikan sesuatu permasalahan yang kompleks. Oleh demikian, pendedahan kepada pelbagai kaedah dan strategi yang berkesan di dalam pengajaran mampu menjana minda bakal guru tentang keperluan pemilihan kaedah yang sesuai dan berkesan yang boleh diaplikasikan di dalam pengajaran mereka kelak.

4. PENERANGAN ISI KANDUNGAN KURSUS (DESCRIPTION OF COURSE MATERIALS)

Penerangan terhadap kandungan kursus yang dipelajari oleh pelajar pada awal setiap semester adalah sangat penting agar pelajar bersedia dan mengetahui pengetahuan dan kemahiran yang akan mereka kuasai. Penyediaan kandungan kursus juga membantu pensyarah dalam membina dan mempertingkatkan atribut sebagai seorang pendidik profesional di peringkat pendidikan tinggi berdasarkan bidang pengkhususan masing-masing. Kandungan kursus juga merupakan sebuah kontrak antara pensyarah dan pelajar terhadap kursus yang akan diikuti. Penerangan ini merangkumi maklumat mengenai diri saya, sinopsis kursus, objektif pembelajaran yang perlu dicapai, kemahiran generik yang perlu dikuasai, tajuk mingguan bagi keseluruhan semester, bahan rujukan yang digunakan, aktiviti yang dirancang, penilaian serta nota kuliah yang boleh diakses menerusi e-learning kursus berkenaan. Segala bentuk perancangan pengajaran dan nota boleh dicapai oleh pelajar dan dimuat turun melalui platform yang disediakan, disamping penerangan tugas sebelum pengajaran dimulakan. Senarai lampiran sinopsis kursus dan nota adalah seperti dalam **Lampiran C**.



5. PENILAIAN (ASSESSMENT)

Penilaian merupakan perkara penting dalam sesebuah kursus bagi mengetahui tahap penguasaan pelajar terhadap pengetahuan dan kemahiran berdasarkan kursus yang diikutiinya. Ianya juga seperti sebuah kontrak antara pensyarah bersama pelajar sepanjang semester pengajian. Berikut adalah penilaian yang dilaksanakan mengikut kesesuaian kursus:

a) Ujian dan Peperiksaan

Pelajar dinilai semasa pengajaran dan selepas pengajaran dijalankan. Secara kebiasaannya, ujian pertengahan semester dijalankan pada minggu ke tujuh (7) sebelum cuti pertengahan semester. Ini bagi memastikan pelajar dinilai mengenai tahap kefahaman, dan kebolehan kognitif mereka diuji berdasarkan taksomi bloom. Kebanyakan kursus yang saya mengajar mempunyai peperiksaan akhir bagi menguji pengetahuan pelajar terhadap kursus yang diikuti sepanjang semester. Pemberatan bagi markah ujian adalah antara 15% hingga 20% peratus, sementara kerja kursus membawa markah sebanyak 40% hingga 60% peratus dan selebihnya melalui peperiksaan akhir.

b) Tugasan

Tugasan kebiasaanya diberikan dalam dua bentuk iaitu berdasarkan individu dan secara kumpulan mengikut bentuk tugasan yang diberikan. Pelbagai bentuk tugasan diberikan kepada pelajar antaranya adalah projek berasaskan scenario yang diberikan, iaitu menggunakan kemahiran dan pengetahuan yang diperolehi menerusi kursus yang diambil serta eksplorasi maklumat. Selain itu, penulisan penyelidikan, pembentangan, demonstrasi, serta pembelajaran servis adalah merupakan sebahagian penilaian yang dilaksanakan. Peruntukan masa diberikan kepada pelajar dalam menyiapkan tugas yang diberikan serta perbincangan adalah digalakkan dalam menyiapkan tugas tersebut.

6. USAHA DALAM MENINGKATKAN PENGAJARAN (EFFORTS TO IMPROVE TEACHING)

Sejajar dengan kehendak Universiti Teknologi Malaysia (UTM) yang menetapkan tujuh atribut graduan iaitu Kemahiran Berkomunikasi, Kemahiran Berfikir, Kesarjanaan, Kemahiran Kepimpinan dan Kerja Berpasukan, Kebolehsuaian, Warga Global dan Berdaya Usaha, menjadi panduan kepada saya dalam membuat penambahbaikan dalam proses pengajaran. Selain itu, dengan membuat refleksi terhadap pengajaran saya, ianya menjadi indikator dalam usaha meningkatkan keberkesanan dan kualiti pengajaran saya pada setiap semester. Maklumbalas daripada pelajar turut membantu saya dalam mereka bentuk instruksi agar lebih menarik serta




menggalakkan pembelajaran aktif serta mengkongstruk pengetahuan pelajar. Penyediaan aktiviti pembelajaran yang terarah kepada pelajar serta mengintegrasikan teknologi berkomputer, web dan Multimedia dalam pengajaran, juga menjadi salah satu inisiatif saya dalam menghasilkan sebuah pengajaran yang efisyen serta menyokong kepada Pembelajaran Teradun (*Blended Learning*), seperti berikut:

- UTM MOOCs (Massive Open Online Courses)
- ITM-MIT BLOSSOMS
- Student to Student Edutainment
- UTM E-Learning
- UTM Open Courseware

Hasil daripada inisiatif usaha dalam meningkatkan kualiti pengajaran saya, beberapa penghasilan bahan P&P telah dipertandingkan, dan telah menerima beberapa anugerah antaranya seperti berikut:

- 2017: Gold Medal for Implementation of Engineering Course through MOOCs based on Authentic Learning Environment,
International Invention, Innovation and Design (IIID) Johor 2017 Exhibition
8-9 March 2017, Grand Ballroom, Amansari Residence Resort, Bandar Seri Alam, Johor
- 2016: Gold Medal for Implementation of Educational Technology Course Through MOOCs Based on Authentic Learning Strategy,
3rd International Innovative Practices in Higher Education Expo (**I-PHEX 2016**)
10 August 2016, Dewan Azman Hashim, Universiti Teknologi Malaysia, Kuala Lumpur
- 2016: Silver Medal for Integration of MOOCs as Blended Learning in Learning Research Methodology Course
International University Carnival on eLearning (IUCEL) 2016
20-21 September 2016, Dewan Sultan Iskandar, Universiti Teknologi Malaysia, Johor
- 2016: Silver Medal for Implementation of Authentic Learning Strategy for Web Based Development Course Through MOOCs
International University Carnival on eLearning (IUCEL) 2016
20-21 September 2016, Dewan Sultan Iskandar, Universiti Teknologi Malaysia, Johor
- 2015: Gold Medal for BLOSSOMS: Blended Learning Approach that Helps Develop Teachers' and Students' Higher Order Thinking Skills (HOTS) in Science, Technology, Engineering and Mathematics (STEM),
Innovative Practices In Higher Education Expo 2015 (I-PHEX),
6 August 2015, Main Hall, Universiti Teknologi Malaysia, Kuala Lumpur
- 2015: Gold Medal for Implementation of Engineering and Computing Courses Through MOOCs Based on Authentic Learning Environment,
National University Carnival on eLearning 2015 (NUCeL2015),
Category of Invention, Innovation & Design On E-Learning (**IIDEL**) 2015,
14-15 December 2015, Main Hall, Sultan Azlan Shah Campus, UPSI, Perak
- 2015: Bronze Medal for Development Process of UTM MOOCs



National University Carnival on eLearning 2015 (NUCeL2015),
Category of Invention, Innovation & Design On E-Learning (IIDE) 2015,
14-15 December 2015, Main Hall, Sultan Azlan Shah Campus, UPSI, Perak

- 2014: Gold Medal for OER Integration: OCW & MOOCS,
National University Carnival on eLearning 2014 (NUCeL2014),
14-15 November 2014, Shah Alam Convention Centre, Selangor
- 2014: Gold Medal for BLOSSOMS: Helps Develop Students' Higher Order Thinking Skills (HOTS) in Learning STEM,
National University Carnival on eLearning 2014 (NUCeL2014),
14-15 November 2014, Shah Alam Convention Centre, Selangor
- 2008: Silver Medal for the invention/innovation of JUZCLICK: Dictionary Interactive Multimedia,
36th International Exhibition of Inventions New Techniques and Products Geneva,
2-6 April 2008, **Geneva Palexpo, Switzerland.**
- 2008: Silver Medal for the invention/innovation of Programme Pedagogy Personalised,
36th International Exhibition of Inventions New Techniques and Products Geneva,
2-6 April 2008, **Geneva Palexpo, Switzerland.**
- 2008: Gold Medal for the Invention/Innovation of JUZCLICK: Online Interactive Multimedia Dictionary,
Malaysia Technology Expo 2008 (**MTE**),
21-23 February 2008, Putra World Trade Center (PWTC), Kuala Lumpur.
- 2008: Gold Medal for the Invention/Innovation of Personalized Learning Courseware Through Digital Learning Object Concept for Learning Multimedia and Computer Networking (DLOC),
Malaysia Technology Expo 2008 (**MTE**),
21-23 February 2008, Putra World Trade Center (PWTC), Kuala Lumpur.
- 2008: **The Best Award for the Invention/Innovation** of Personalized Learning Courseware Through Digital Learning Object Concept for Learning Multimedia and Computer Networking (DLOC),
Malaysia Technology Expo 2008 (**MTE**),
21-23 February 2008, Putra World Trade Center (PWTC), Kuala Lumpur.

Seterusnya, saya turut melakukan sesi perbincangan dan perkongsian pengalaman dengan pensyarah lain serta menghadiri seminar, kursus dan bengkel yang berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran bagi mendapatkan idea baharu. Bahan bacaan seperti buku rujukan, serta jurnal-jurnal berkaitan juga menjadi panduan kepada saya dalam usaha menambahbaik pengajaran.



7. PENILAIAN PENGAJARAN (EVALUATION OF TEACHING)

Penilaian pelajar merupakan salah satu mekanisme yang mengukur proses pengajaran saya bagi setiap semester. Secara keseluruhan aras Penilaian Pengajaran Pensyarah (e-PPP) oleh pelajar-pelajar saya adalah pada aras 5 (Rank 5). Berikut adalah antara keputusan terakhir penilaian pengajaran yang saya perolehi bagi tiga mod yang berbeza:

Kod Kursus	Semester	Rating	Rank di UTM
MPPP1203 (PG – PERDANA)	Sem 1 -2017/2018	4.93	P5
MPPU1003 - (PG - Pesisir)	Sem 1 -2016/2017	4.88	P5
MPT1393(PG – PERDANA)	Sem 1 -2015/2016	4.93	P5

Senarai laporan penilaian e-PPP oleh pelajar mengikut kursus secara terperinci adalah seperti dalam **Lampiran D**.

8. MATLAMAT PENGAJARAN (TEACHING GOALS)

Matlamat pengajaran saya adalah untuk berkongsi ilmu/pengetahuan (*knowledge sharing*) dan memindahkan ilmu/pengetahuan (*knowledge transfer*) kepada pelajar agar dapat diaplikasikan pengetahuan itu pada realiti kehidupan, seterusnya menyokong kepada memperkembangkan potensi diri pelajar. Saya juga cuba memastikan proses pengajaran dan pembelajaran sentiasa di tahap yang optimum dan menarik untuk dipelajari. Justeru, saya sentiasa menghidupkan suasana pengajaran dan pembelajaran dengan membina hubungan baik bersama pelajar serta menceriakan dalam proses pengajaran. Dorongan dan sokongan positif kepada pelajar secara berterusan dalam aktiviti pembelajaran serta perbincangan dilakukan bersama agar pertukaran idea atau pendapat dapat dijanakan.


Selain itu, matlamat pengajaran saya juga adalah untuk menyediakan frasarana dan fasiliti pembelajaran kepada pelajar agar persekitaran pembelajaran yang selesa dan kondusif dapat dirasai dan dalmi oleh pelajar. Hal ini secara tidak langsung mampu mengembangkan lagi minda pelajar serta pengalaman yang menyokong kepada peningkatan / penguasaan kemahiran pelajar iaitu atribut graduan yang diharapkan.



9. LAIN-LAIN (OTHERS)

Selaras dengan aspirasi Negara melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi), menghayati Pembelajaran Sepanjang Hayat haruslah digalakkan secara berterusan dalam kalangan pelajar bagi menyediakan modal insan Negara. Selain itu, peranan yang dimainkan di peringkat universiti bukan sahaja terhadap pengajaran, malahan melibatkan penyelidikan dan perundingan, agar kita bersama sentiasa terbuka dalam menambahbaik situasi / senario sedia ada yang menggalakkan jaringan komuniti serta pembangunan Negara. Begitu juga dengan Pembelajaran Abad ke-21, perlulah dititkberatkan bersama agar pendekatan Pengajaran dan Pembelajaran (P&P), lebih menjurus kepada menggalakkan pembelajaran kolaboratif, kreatif, pemikiran kritis dan komunikasi.

